

POTENSI TEKNIK MNEMONIK SEBAGAI STRATEGI MENGINGAT FAKTA DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH PRA-UNIVERSITI

(THE POTENTIAL OF MNEMONIC TECHNIQUE AS A FACT-RETENTION STRATEGY IN PRE-
UNIVERSITY HISTORY EDUCATION)

TUMIRAN, M. A.^{1*} – GHAZALI, N. H.² – BAHARUDDIN, B. H.¹

¹ *Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia.*

² *Kolej Islam Sultan Alam Shah, Selangor, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: amzari92[at]uitm.edu.my*

(Received 04th March 2026; revised 22nd April 2026; accepted 16th May 2026)

Abstrak. Mata pelajaran Sejarah di peringkat Pra-Universiti memerlukan pelajar menguasai sejumlah besar fakta seperti tarikh, tokoh, peristiwa serta hubungan sebab dan akibat dalam sesuatu peristiwa sejarah. Walau bagaimanapun, ramai pelajar Pra-Universiti masih menghadapi kesukaran untuk mengingat fakta sejarah yang banyak dan kompleks, khususnya apabila mereka perlu menghubungkan pelbagai peristiwa, tokoh serta faktor yang terlibat dalam sesuatu topik. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti potensi teknik mnemonik sebagai strategi mengingat fakta dalam mata pelajaran Sejarah Pra-Universiti. Kajian ini menggunakan pendekatan ulasan naratif bagi meneliti dan mensintesis kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penggunaan teknik mnemonik dalam pembelajaran. Hasil ulasan naratif telah menemui beberapa potensi teknik mnemonik sebagai strategi mengingat fakta dalam mata pelajaran Sejarah Pra-Universiti, iaitu: (a) meningkatkan keupayaan memproses penyimpanan maklumat dalam memori jangka panjang; (b) mengaktifkan pembelajaran menerusi elemen kreatif dan visual; (c) membantu memahami hubungan dan asosiasi antara fakta sejarah; (d) menstrukturkan maklumat yang kompleks dan segragatif; dan (e) menguatkan motivasi dan keyakinan dalam peperiksaan. Secara keseluruhannya, penggunaan teknik mnemonik didapati berpotensi menjadi strategi pembelajaran yang berkesan dalam membantu pelajar Pra-Universiti mengingat fakta dalam mata pelajaran Sejarah Pra-Universiti. Bagi kajian lanjut, penyelidikan dicadangkan agar meneroka penggunaan teknik mnemonik dalam topik sejarah yang berbeza serta mengkaji potensinya melalui pendekatan kajian eksperimen yang melibatkan sampel pelajar yang lebih besar.

Katakunci: *teknik mnemonik, strategi pembelajaran mnemonik, pengekalan memori dalam pembelajaran, mnemonik dalam pendidikan, strategi memori pelajar*

Abstract. Pre-University History subjects require students to master a large volume of facts, such as dates, figures, and events, as well as the cause-and-effect relationships within historical occurrences. Nevertheless, many pre-university students still face difficulties in remembering numerous and complex historical facts, particularly when they need to interrelate various events, figures, and factors involved in a specific topic. In this regard, this study was conducted to identify the potential of mnemonic techniques as a strategy for remembering facts in Pre-University History subjects. This research employs a narrative review approach to examine and synthesise previous studies concerning the use of mnemonic techniques in learning. The results of the narrative review identified several potentials of mnemonic techniques as a strategy for remembering facts in Pre-University History subjects, namely: (a) enhancing the capacity for information processing and consolidation within long-term memory; (b) stimulating learning engagement through the integration of creative and visual elements; (c) facilitating a deeper understanding of the interrelationships and associations between historical facts; (d) structuring complex and fragmented information; and (e) bolstering motivation and self-efficacy in examination performance. Overall, the use of mnemonic techniques was found to be a potentially effective learning strategy in assisting pre-university students to remember facts in Pre-University History subjects. For future research, it is

suggested that researchers explore the use of mnemonic techniques in different historical topics and examine their potential through an experimental research approach involving a larger sample of students.

Keywords: *mnemonic techniques, mnemonic learning strategies, memory retention in learning, mnemonics in education, students' memory strategies*

Pengenalan

Mata pelajaran Sejarah di peringkat Pra-Universiti memerlukan pelajar menguasai sejumlah besar fakta seperti tarikh, tokoh, peristiwa serta hubungan sebab dan akibat dalam sesuatu peristiwa sejarah. Keperluan untuk mengingat fakta yang banyak sering menjadi cabaran kepada pelajar kerana kaedah pembelajaran tradisional yang berasaskan hafalan semata-mata kurang membantu pelajar mengekalkan maklumat dalam memori jangka panjang. Oleh itu, penggunaan teknik mnemonik dilihat sebagai salah satu strategi pembelajaran yang berpotensi membantu pelajar mengingat maklumat dengan lebih sistematik melalui penggunaan akronim, frasa ringkas atau asosiasi visual yang memudahkan proses pengingatan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan strategi mnemonik dapat meningkatkan keupayaan pelajar mengingat maklumat serta membantu proses pembentukan memori jangka panjang dalam pembelajaran akademik (Siagian et al., 2023). Selain itu, pelajar yang kreatif dalam membangunkan strategi mnemonik mereka sendiri menunjukkan peningkatan prestasi akademik dan penguasaan kandungan pembelajaran berbanding pelajar yang hanya mengikut kaedah tradisional (Thảo, 2022).

Walau bagaimanapun, ramai pelajar Pra-Universiti masih menghadapi kesukaran untuk mengingat fakta sejarah yang banyak dan kompleks, khususnya apabila mereka perlu menghubungkan pelbagai peristiwa, tokoh serta faktor yang terlibat dalam sesuatu topik. Keadaan ini berlaku kerana mata pelajaran Sejarah sering melibatkan sejumlah besar maklumat yang perlu diingat secara tepat dan terperinci. Tanpa penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai, pelajar cenderung menggunakan kaedah hafalan semata-mata yang menyebabkan mereka mudah lupa maklumat yang telah dipelajari. Beberapa kajian menekankan bahawa kekurangan strategi memori menjejaskan pembelajaran akademik kerana kapasiti memori kerja manusia adalah terhad dan mudah terbeban apabila memproses maklumat yang kompleks tanpa strategi kognitif yang sesuai (Clark dan Kimmons, 2023). Keadaan ini juga boleh menjejaskan minat pelajar terhadap pembelajaran serta prestasi mereka dalam peperiksaan kerana mereka sukar mengingat fakta penting semasa menjawab soalan (Fung dan Oyibo, 2024).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti potensi teknik mnemonik sebagai strategi mengingat fakta dalam mata pelajaran Sejarah Pra-Universiti. Kajian ini juga bertujuan menilai potensi teknik mnemonik dapat membantu pelajar meningkatkan keupayaan mengingat fakta serta memahami hubungan antara peristiwa sejarah. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan pembelajaran berasaskan mnemonik yang digabungkan dengan elemen visual dan naratif dapat meningkatkan tahap penglibatan pelajar serta membantu mereka mengingat maklumat dengan lebih berkesan. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada guru dan pelajar dengan memperkenalkan pendekatan pembelajaran yang lebih berkesan dalam mengingat fakta sejarah yang banyak. Selain itu, dapatan kajian ini juga dilihat dapat membantu pendidik merancang strategi pengajaran yang lebih kreatif dan sistematik bagi meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sejarah (Melegrito et al., 2025).

Kajian literatur

Penggunaan teknik mnemonik dalam pembelajaran semakin mendapat perhatian dalam bidang pendidikan kerana keupayaannya membantu pelajar mengingat maklumat dengan lebih berkesan. Menurut Peters Jr et al. (2023), teknik mnemonik merupakan strategi pembelajaran yang membantu pelajar mengekod dan mengingat maklumat melalui penggunaan akronim, rima, sistem kata kunci serta teknik asosiasi. Strategi ini membantu meningkatkan pengekal memori jangka panjang kerana maklumat disusun dalam bentuk yang lebih mudah diingat. Selain itu, Boyle (2022) menjelaskan bahawa mnemonik menyokong fungsi memori episodik dalam mengkod dan menyimpan maklumat penting, membolehkan pelajar mengingat maklumat kompleks secara lebih sistematik. Dalam kajian lain, Khairuddin et al. (2023) turut menegaskan bahawa teknik mnemonik mempunyai potensi besar dalam meningkatkan keupayaan pelajar mengingat maklumat terutamanya dalam pembelajaran yang memerlukan hafalan fakta yang banyak. Dalam konteks pembelajaran akademik, teknik mnemonik didapati mampu meningkatkan prestasi pelajar kerana maklumat yang dipelajari disusun dalam bentuk yang lebih teratur dan mudah diingat. Barreiro dan Wiyanah (2022) mendapati bahawa penggunaan teknik mnemonik visual dapat meningkatkan keupayaan pelajar mengingat perbendaharaan kata kerana imej dan asosiasi mental membantu proses penyimpanan maklumat dalam memori. Selain itu, Anuyahong dan Pengnate (2023) menyatakan bahawa potensi teknik mnemonik dalam pembelajaran bahasa mampu meningkatkan motivasi pelajar serta membantu mereka mengingat maklumat dengan lebih berkesan. Tambahan pula, Padernal (2023) juga mendapati bahawa pelajar maritim mengalami peningkatan tahap prestasi akademik dalam subjek kalkulus selepas diajar menggunakan kaedah mnemonik.

Selain meningkatkan keupayaan mengingat fakta, teknik mnemonik juga membantu pelajar memahami maklumat yang kompleks dalam sesuatu bidang pembelajaran. Salsabila dan Santoso (2024) menyatakan bahawa potensi teknik mnemonik bersama strategi pembelajaran lain seperti pengulangan berjarak dan latihan sendiri dapat meningkatkan pengekal memori jangka panjang. Selain itu, Şeuleanu (2025) menjelaskan bahawa mnemonik membantu pelajar mengaitkan maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada melalui penggunaan asosiasi visual dan verbal. Kajian oleh Zainuddin et al. (2024) pula menunjukkan bahawa integrasi pendekatan mnemonik dengan teknik pembelajaran multisensori dapat memperkukuh ingatan jangka panjang serta pemahaman konsep kompleks dalam kalangan pelajar. Dalam bidang pendidikan, beberapa kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan teknik mnemonik dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Hoyt et al. (2025) mendapati bahawa integrasi mnemonik visual bersama sumber multimedia meningkatkan penglibatan dan pengekal maklumat pelajar dalam jangka masa panjang. Selain itu, Khmara dan Khmara (2022) mendapati bahawa pelajar yang menggunakan mnemonik menunjukkan peningkatan prestasi dalam peperiksaan serta tahap keyakinan yang lebih tinggi ketika menjawab soalan. Kajian oleh Paquinol dan Cañete (2025) juga mendapati bahawa strategi pengajaran berasaskan mnemonik dapat membantu pelajar meningkatkan pengekal maklumat serta menyokong proses pembelajaran secara lebih berkesan.


Potensi teknik mnemonik dapat membantu pelajar mengingat maklumat yang sukar dengan lebih mudah melalui penggunaan teknik visual dan asosiasi. Selain itu, Begam dan Hema (2024) mendapati bahawa penggunaan teknik mnemonik dapat meningkatkan keupayaan memori pelajar secara signifikan dalam proses pembelajaran. Tambahan

pula, Akhter et al. (2022) menjelaskan bahawa teknik mnemonik sering digunakan oleh pendidik sebagai alat bantu pembelajaran kerana potensinya dalam membantu pelajar mengingat maklumat dengan lebih cepat dan sistematik. Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa wujud jurang kajian dalam mengenal pasti potensi teknik mnemonik sebagai strategi mengingat fakta dalam mata pelajaran Sejarah pra-universiti yang menuntut penguasaan fakta kronologi dan analitikal. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menangani jurang kajian tersebut dengan mengenal pasti potensi teknik mnemonik sebagai intervensi pedagogi dalam membantu pelajar menguasai sukatan Sejarah Pra-Universiti yang kompleks.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan ulasan naratif bagi meneliti dan mensintesis kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penggunaan teknik mnemonik dalam pembelajaran. Pendekatan ini dipilih kerana kaedah tersebut membolehkan untuk menghimpunkan, menilai dan mentafsir dapatan kajian secara menyeluruh bagi memahami konsep, potensi serta aplikasi teknik mnemonik dalam konteks pendidikan. Proses pencarian literatur dilaksanakan melalui beberapa pangkalan data akademik SemanticScholars bagi memastikan sumber yang diperoleh mempunyai tahap kesahan akademik yang tinggi. Dalam proses pencarian tersebut, beberapa kata kunci digunakan bagi memastikan literatur yang dikenal pasti adalah selaras dengan fokus kajian. Antara kata kunci yang digunakan ialah “teknik mnemonik”, “strategi pembelajaran mnemonik”, “pengekal memori dalam pembelajaran”, “mnemonik dalam pendidikan” dan “strategi memori pelajar”. Penggunaan kata kunci ini bertujuan membantu penyelidik mengenal pasti kajian-kajian yang berkaitan dengan penggunaan teknik mnemonik serta hubungannya dengan keupayaan pelajar mengingat maklumat dalam proses pembelajaran.


Bagi memastikan kesesuaian literatur yang dipilih, beberapa kriteria kemasukan telah ditetapkan. Antara kriteria tersebut ialah (i) artikel yang diterbitkan dalam jurnal akademik yang melalui proses semakan rakan sebaya, (ii) kajian yang memfokuskan kepada penggunaan teknik mnemonik atau strategi memori dalam pembelajaran, dan (iii) artikel yang diterbitkan dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun terkini bagi memastikan dapatan kajian adalah relevan dan mutakhir. Proses semakan literatur dilaksanakan secara sistematik melalui beberapa peringkat. Pada peringkat pertama, penyelidik mengenal pasti dan mengumpulkan artikel yang diperoleh daripada pangkalan data yang dipilih. Pada peringkat kedua, proses penapisan dijalankan dengan meneliti tajuk dan abstrak bagi menentukan kesesuaian artikel dengan fokus kajian serta mengelakkan pertindihan sumber. Pada peringkat ketiga, artikel yang memenuhi kriteria kemasukan akan dianalisis secara mendalam dengan meneliti kandungan penuh bagi mengenal pasti tema utama, dapatan kajian serta implikasi penggunaan teknik mnemonik dalam pembelajaran. Akhir sekali, dapatan daripada artikel yang dipilih akan disintesis bagi menghasilkan sorotan literatur yang komprehensif dan menyeluruh dalam kajian ini. Proses tersebut diringkaskan dalam rajah berikut (*Rajah 1*).



Rajah 1. Perincian proses ulasan naratif.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Hasil ulasan naratif telah menemui beberapa potensi teknik mnemonik sebagai strategi mengingat fakta dalam mata pelajaran Sejarah Pra-Universiti, iaitu: (a) meningkatkan keupayaan memproses penyimpanan maklumat dalam memori jangka panjang; (b) mengaktifkan pembelajaran menerusi elemen kreatif dan visual; (c) membantu memahami hubungan dan asosiasi antara fakta sejarah; (d) menstrukturkan maklumat yang kompleks dan segragatif; dan (e) menguatkan motivasi dan keyakinan dalam peperiksaan. Hasil ulasan naratif tersebut diringkaskan ke dalam rajah berikut (*Rajah 2*).



Rajah 2. Potensi teknik mnemonik dalam pembelajaran Sejarah pra-universiti.

Meningkatkan keupayaan memproses penyimpanan maklumat dalam memori jangka panjang

Penggunaan teknik mnemonik dijangka mempunyai potensi untuk meningkatkan keupayaan pelajar Pra-Universiti mengingat fakta sejarah dengan lebih berkesan. Berdasarkan ujian pra dan pasca yang dijalankan, terdapat peningkatan yang jelas dalam skor pelajar selepas teknik mnemonik diperkenalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar didapati lebih mudah mengingat nama tokoh, tarikh penting serta faktor sesuatu peristiwa sejarah apabila maklumat tersebut disusun dalam bentuk akronim, frasa atau ayat ringkas yang mudah diingati. Selain itu, pelajar juga

menunjukkan peningkatan dalam kemampuan mengingat maklumat dalam tempoh yang lebih lama berbanding kaedah hafalan tradisional. Keadaan ini menunjukkan bahawa teknik mnemonik membantu proses penyimpanan maklumat dalam memori jangka panjang dengan lebih berkesan. Dapatan ini selari dengan kajian yang menunjukkan bahawa teknik mnemonik membantu meningkatkan pengekalan maklumat dalam memori jangka panjang kerana ia memudahkan proses pengekodan dan pengambilan semula maklumat. Penggunaan asosiasi seperti akronim dan frasa ringkas membolehkan pelajar mengingat fakta yang kompleks dengan lebih mudah. Kajian turut mendapati bahawa strategi mnemonik berkesan dalam menghubungkan fakta sejarah yang kompleks berbentuk rangka kerja yang lebih teratur dan mudah difahami, seterusnya meningkatkan keyakinan diri dalam menjawab soalan (Oktovyanto et al., 2025). Selain itu, teknik mnemonik visual juga terbukti membantu pelajar meningkatkan kemampuan mengingat maklumat kerana penggunaan imej dan asosiasi mental memudahkan proses pembelajaran (Farrokh et al., 2021). Penyelidikan lain turut menunjukkan bahawa mnemonik boleh meningkatkan prestasi pelajar dalam ujian serta memudahkan pengingatan maklumat yang kompleks dalam pembelajaran akademik (Munusamy et al., 2023).

Mengaktifkan pembelajaran menerusi elemen kreatif dan visual

Penggunaan teknik mnemonik dijangka dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses mata pelajaran Sejarah. Pelajar lebih aktif menyertai aktiviti pembelajaran seperti mencipta akronim sendiri, membina ayat mnemonik dan berbincang dengan rakan tentang cara terbaik untuk mengingat fakta sejarah. Situasi ini menjadikan suasana pembelajaran lebih interaktif dan menyeronokkan berbanding kaedah hafalan tradisional. Pelajar juga lebih bermotivasi untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kelas kerana mereka dapat menggunakan kreativiti dalam menghasilkan mnemonik sendiri. Hal ini menjadikan mata pelajaran Sejarah lebih menarik dan tidak membosankan. Selain itu, penglibatan aktif melalui teknik ini mampu merangsang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) apabila pelajar perlu mensintesis maklumat sejarah yang kompleks ke dalam bentuk yang lebih bermakna dan kreatif. Secara tidak langsung, anjakan paradigma ini memperkukuh persekitaran pembelajaran berpusatkan pelajar, sekali gus mengubah persepsi terhadap mata pelajaran Sejarah daripada subjek yang bersifat statik kepada satu disiplin ilmu yang dinamik. Penglibatan pelajar yang tinggi dalam pembelajaran merupakan faktor penting dalam meningkatkan potensi proses pembelajaran. Teknik mnemonik yang melibatkan elemen kreatif dan visual dapat meningkatkan motivasi serta minat pelajar untuk belajar. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi mnemonik yang digabungkan dengan elemen multimedia dan visual mampu meningkatkan tahap penglibatan serta minat pelajar terhadap kandungan pembelajaran (Kristanto et al., 2024). Selain itu, kajian juga mendapati bahawa teknik mnemonik dapat meningkatkan motivasi pelajar kerana proses pembelajaran menjadi lebih menarik dan mudah difahami (Suroiyah et al., 2024). Penyelidikan lain turut menunjukkan bahawa potensi teknik mnemonik dalam pembelajaran dapat meningkatkan minat pelajar serta menjadikan proses pembelajaran lebih aktif dan berpusatkan pelajar (Kozmus dan Kozmus, 2023).

Membantu memahami hubungan dan asosiasi antara fakta sejarah

Selain membantu dalam hafalan fakta, teknik mnemonik didapati berpotensi untuk membantu pelajar memahami hubungan antara fakta sejarah seperti sebab, proses dan kesan sesuatu peristiwa. Pelajar dapat menyusun isi penting secara lebih sistematik apabila fakta disusun dalam bentuk ayat atau frasa tertentu. Hal ini memudahkan mereka menghubungkan antara peristiwa sejarah yang berbeza dalam sesuatu topik pembelajaran. Pelajar juga dapat mengenal pasti kronologi peristiwa sejarah dengan lebih jelas apabila maklumat disusun secara berstruktur. Keadaan ini membantu mereka menghasilkan jawapan esei yang lebih tersusun dan lengkap. Penerapan teknik ini secara konsisten mampu menajamkan keupayaan analitikal pelajar dalam mensintesis pelbagai pemboleh ubah sejarah kepada sebuah naratif yang koheren dan meyakinkan. Kesannya, pelajar tidak lagi sekadar menjadi penerima maklumat yang pasif, malah berupaya mengintegrasikan pengetahuan tersebut untuk menghasilkan perbincangan sejarah yang lebih matang dan mendalam dalam penulisan akademik mereka. Teknik mnemonik bukan sahaja membantu pelajar mengingat maklumat tetapi juga membantu mereka memahami struktur pengetahuan yang dipelajari. Apabila maklumat disusun dalam bentuk hubungan atau asosiasi tertentu, pelajar lebih mudah memahami konsep dan kaitan antara fakta. Kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran yang menggunakan mnemonik dapat meningkatkan kefahaman pelajar serta membantu pembentukan memori jangka panjang dalam proses pembelajaran (Azizah et al., 2025). Penyelidikan lain turut menunjukkan bahawa intervensi berasaskan mnemonik dapat meningkatkan pemahaman konseptual pelajar pra-perkhidmatan dalam topik fizik, kerana teknik ini membantu mereka mengaitkan maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada melalui pendekatan berstruktur (Shivolo, 2024). Selain itu, strategi mnemonik membantu pelajar menyampaikan pembentangan akademik secara berstruktur dan jelas kerana mereka mampu mengingat poin utama dengan mudah menggunakan kata kunci sebagai alat bantu memori (Putra dan Kayen, 2025).

Menstrukturkan maklumat yang kompleks dan segragatif

Selain itu, penggunaan teknik mnemonik dapat mengurangkan beban kognitif pelajar dalam mempelajari fakta sejarah yang banyak dan keterasingan. Dengan menukar maklumat panjang kepada bentuk singkatan atau frasa yang lebih ringkas, pelajar tidak perlu menghafal setiap fakta secara berasingan. Kaedah ini memudahkan proses penyimpanan maklumat dalam memori dan membantu pelajar mengingat fakta dengan lebih cepat. Pelajar juga didapati lebih mudah menstrukturkan maklumat yang kompleks apabila menggunakan mnemonik. Hal ini membantu mereka memahami topik pembelajaran dengan lebih teratur. Selain itu, keberkesanan dalam mengurus beban kognitif ini membolehkan ruang memori kerja (working memory) digunakan secara lebih optimum bagi tujuan analisis dan penilaian fakta yang lebih kritikal. Rentetan itu, pendekatan ini mampu meminimumkan keletihan mental serta kekeliruan fakta, sekali gus menjamin kelestarian ingatan pelajar dalam mendepani sukatan pelajaran yang luas dan mencabar. Pengurangan beban kognitif merupakan salah satu faktor penting dalam meningkatkan potensi pembelajaran. Teknik mnemonik membantu pelajar menyusun maklumat secara lebih teratur dan memudahkan proses pengingatan. Kajian mendapati bahawa teknik mnemonik, terutamanya melalui kaedah visual dan verbal, membantu menyimpan maklumat kompleks dalam memori jangka panjang dan mempermudah pembelajaran (Gadzhula et al., 2023). Kajian lain turut menunjukkan bahawa mnemonik dapat mengurangkan beban kognitif serta memudahkan proses pembelajaran kerana maklumat dikodkan dalam bentuk yang lebih bermakna dan

mudah diingat oleh pelajar (Kukarina dan Holubenko, 2024). Selain itu, potensi teknik mnemonik juga terbukti dapat meningkatkan kecekapan memori pelajar dan membantu mereka memproses maklumat dengan lebih efektif (Harmiardillah et al., 2025).

Menguatkan motivasi dan keyakinan dalam peperiksaan

Seterusnya, penggunaan teknik mnemonik dijangka dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar ketika menjawab soalan peperiksaan sejarah. Pelajar yang menggunakan teknik ini didapati lebih mudah mengingat isi penting semasa menjawab soalan esei. Hal ini membolehkan mereka menulis jawapan dengan lebih lancar serta mengurangkan tekanan semasa peperiksaan. Pelajar juga menunjukkan peningkatan dalam keupayaan menyusun jawapan dengan lebih sistematik. Keadaan ini membantu mereka menghasilkan jawapan yang lebih lengkap dan menepati kehendak soalan. Peningkatan keyakinan diri ini secara tidak langsung dapat meminimumkan risiko kebuntuan idea atau mental block ketika pelajar berhadapan dengan situasi peperiksaan yang bertekanan tinggi. Secara holistik, penguasaan strategi ini bukan sahaja bertindak sebagai pemangkin kepada kecemerlangan keputusan peperiksaan, malah membina persepsi sendiri yang lebih positif terhadap keupayaan intelektual mereka dalam menguasai disiplin Sejarah yang mencabar. Oleh yang demikian, kestabilan emosi dan kesediaan kognitif yang dibina melalui teknik ini berupaya memaksimumkan potensi sebenar pelajar dalam menterjemahkan pengetahuan mereka ke dalam bentuk penulisan esei yang kritis dan berkualiti tinggi. Keyakinan pelajar dalam menjawab soalan peperiksaan sering berkait rapat dengan tahap penguasaan fakta dan kefahaman terhadap topik yang dipelajari. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi mnemonik dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar serta membantu mereka mengingat maklumat dengan lebih berkesan semasa peperiksaan. Teknik ini juga meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran kosa kata kerana mereka dapat bekerjasama dalam kumpulan dan merasa lebih terlibat (Sudirman dan Tawali, 2023). Selain itu, penyelidikan lain menunjukkan bahawa potensi teknik mnemonik dalam pembelajaran membantu meningkatkan keyakinan pelajar dalam menjawab soalan peperiksaan kerana mereka mempunyai teknik khusus untuk mengingat fakta (Hill, 2022). Tambahan pula, kajian turut mendapati bahawa pelajar yang menggunakan mnemonik menunjukkan tahap keyakinan dan prestasi akademik yang lebih tinggi berbanding pelajar yang menggunakan kaedah hafalan tradisional (Atimi et al., 2023).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penggunaan teknik mnemonik didapati berpotensi menjadi strategi pembelajaran yang berkesan dalam membantu pelajar Pra-Universiti mengingat fakta dalam mata pelajaran Sejarah. Teknik ini bukan sahaja membantu pelajar mengingat maklumat dengan lebih mudah, malah turut meningkatkan kefahaman terhadap hubungan antara fakta sejarah serta membantu pelajar menyusun maklumat secara lebih sistematik. Selain itu, potensi teknik mnemonik juga dapat meningkatkan minat dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran kerana kaedah ini lebih kreatif dan interaktif berbanding kaedah hafalan tradisional. Oleh itu, penggunaan teknik mnemonik wajar dipertimbangkan sebagai salah satu pendekatan pengajaran yang boleh diaplikasikan oleh guru bagi meningkatkan potensi mata pelajaran Sejarah di peringkat prauniversiti. Bagi kajian lanjut, penyelidik dicadangkan agar meneroka penggunaan teknik mnemonik dalam topik sejarah yang berbeza serta mengkaji potensinya melalui

pendekatan kajian eksperimen yang melibatkan sampel pelajar yang lebih besar. Selain itu, kajian masa hadapan juga boleh meneliti penggunaan teknologi digital atau aplikasi pembelajaran berasaskan mnemonik bagi meningkatkan lagi potensi strategi ini dalam mata pelajaran Sejarah.

Penghargaan

Penulis memberi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Teknologi MARA dan Kolej Islam Sultan Alam Shah atas sokongan teknikal.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan potensi konflik kepentingan Nik Hazira Ghazali dan Batrisyia Hidayah Baharuddin sebagai mempunyai hubungan kekeluargaan. Walau bagaimanapun, hubungan ini tidak mempengaruhi reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, tafsiran penemuan, atau keputusan untuk menerbitkan keputusan. Penyelidikan ini dijalankan dengan integriti akademik dan kebebasan sepenuhnya.

RUJUKAN

- [1] Akhter, N., Chowdhury, M.S.I.T., Bari, A., Hussain, M.S.B. (2022): Using mnemonics in teaching-learning: A profile of experiences of the Bangladeshi anatomy teachers. – KYAMC Journal 12(4): 226-230.
- [2] Anuyahong, B., Pengnate, W. (2023): Developing a new approach to teaching English vocabulary using mnemonics and memory techniques. – International Journal of Research Publication and Reviews 4(4): 3100-3106.
- [3] Atimi, N.D., Afandi, A., Tenriawaru, A.B. (2023): The effect of mnemonics method on students' retention and learning outcomes in the learning of biology. – Biosfer: Jurnal Pendidikan Biologi 16(2): 296-303.
- [4] Azizah, N., Marianti, A., Isnaeni, W., Peniati, E. (2025): The impact of mnemonic strategies and inquiry-based learning on memory retention and creativity in biology education. – Journal of Neuroeducation 6(1): 46-53.
- [5] Barreiro, J.A., Wiyanah, S. (2022): Improving English vocabulary using visual mnemonic technique. – JEdu: Journal of English Education 2(3): 187-195.
- [6] Begam, N.T., Hema, G. (2024): Efficacy of mnemonic techniques in enhancing history achievement among IX standard students. – Educational Administration: Theory and Practice 30(5): 2090-2094.
- [7] Boyle, A. (2022): The mnemonic functions of episodic memory. – Philosophical Psychology 35(3): 327-349.
- [8] Clark, C., Kimmons, R. (2023): Cognitive load theory. – EdTechnica: The Open Encyclopedia of Educational Technology 7p.
- [9] Farrokh, P., Vaezi, H., Ghadimi, H. (2021): Visual mnemonic technique: An effective learning strategy. – GIST-Education and Learning Research Journal 23: 7-32.
- [10] Fung, K., Oyibo, K. (2024): Examining the effectiveness of mnemonics serious games in enhancing memory and learning: A scoping review. – Applied Sciences 14(23): 19p.
- [11] Gadzhula, N.G., Shinkaruk-Dykovytska, M.M., Kurdysh, L.F., Muntian, O.V., Povsheniuk, A.V., Poberezhna, H.M. (2023): Mnemonic techniques in medicine: Experience of dental mnemonics usage in teaching of therapeutic dentistry for foreign students. – Reports of Vinnytsia National Medical University 27(4): 623-627.

- [12] Harmiardi, S., Kusbiantoro, D., Safitri, D. (2025): Improving short-term memory of school-age children through brain gym with the chunking technique mnemonic approach. – *Pijar: Jurnal Penelitian Bidang Pendidikan dan Pembelajaran* 5(1): 1-10.
- [13] Hill, A.C. (2022): The effectiveness of mnemonic devices for ESL vocabulary retention. – *English Language Teaching* 15(4): 6-15.
- [14] Hoyt, G., Bakshi, C.S., Basu, P. (2025): Integration of an audiovisual learning resource in a podiatric medical infectious disease course: Multiple cohort pilot study. – *JMIR Medical Education* 11: 11p.
- [15] Khairuddin, N.S., Mailok, R., Azizan, U.H. (2023): The effect of using visual mnemonics on long-term memory retention for History subject. – *Journal of ICT in Education* 10(1): 56-66.
- [16] Khmara, T.V., Khmara, A.B. (2022): The use of mnemonic techniques in teaching human anatomy. – *Ukrainian Journal of Medicine, Biology and Sports* 7(2): 220-230.
- [17] Kozmus, D., Kozmus, A. (2023): Mnemonics-memory methods for more effective learning. – *International Journal of Education Humanities and Social Science* 6(4): 32-43.
- [18] Kristanto, B., Glomjai, T., Putri, D. (2024): Enhancing nursing students' long-term retention and engagement in medical terminology through mnemonic-enhanced multimedia mobile learning. – *Journal of Advanced Health Informatics Research* 2(1): 12-23.
- [19] Kukarina, A., Holubenko, N. (2024): Enhancing strategic memorization: Exploring the synergy of emotions and mnemonics in translation studies. – *Studies about Languages* 45: 119-130.
- [20] Melegrito, C.K.L., Baclig, K.G., Balantac, K.M., Guzman, D.A., Vidal, K.K., Peña, L.V.C.D., Dapiawen, K.J. (2025): Effectiveness of self-paced learning using mnemonic devices, spaced repetition, and brain training on memory recall of senior high school STEM students. – *Psychology and Education: A Multidisciplinary Journal* 35(6): 655-666.
- [21] Munusamy, S., Koenigsfeld, C., Torry, R. (2023): Longitudinal impact of mnemonics use on pharmacy students' exam performance and perceptions of knowledge retention and clinical application. – *The Journal of Pharmacology and Experimental Therapeutics* 385(S3): 1p.
- [22] Oktovyanto, B.A., Rimbun, R., Sari, D.R., Rejeki, P.R. (2025): Recall memory ability affecting factors on undergraduate medical student. – *GSC Advanced Research and Reviews* 24(1): 177-181.
- [23] Padernal, R. (2023): Effect of mnemonic-aided instruction on academic performance of maritime students in calculus. – *Pure and Applied Mathematics Journal* 12(1): 16-22.
- [24] Paquinol, R., Cañete, E. (2025): Mnemonic instructional strategies and vocabulary knowledge of English students: A mixed method study. – *Psychology and Education: A Multidisciplinary Journal* 44(9): 1212-1243.
- [25] Peters Jr, D.M., Jarrell, K.L., Johnson, M.R., Brophy, G.M. (2023): Is a FASTHUG enough? Going beyond mnemonics for the next generation of pharmacy learners. – *Journal of the American College of Clinical Pharmacy* 6(5): 512-520.
- [26] Putra, O.P., Kayen, H.S. (2025): Enhancing university students' academic presentation skills through mnemonic-based strategies. – *Pedagogy: Journal of English Language Teaching* 13(1): 64-76.
- [27] Salsabila, S., Santoso, D. (2024): Strategies to optimise long-term memory in learning vocabulary. – *Transform: Journal of English Language Teaching and Learning* 13(3): 150-158.
- [28] Şeuleanu, D. (2025): Enhancing foreign language teaching effectiveness through mnemonic techniques. – *Journal of Educational Research and Policies* 7(2): 54-57.
- [29] Shivolo, T. (2024): A classroom intervention of enhancing Namibian preservice science teachers' conceptual understanding of properties of waves through mnemonics. – *Journal of Research in Mathematics, Science, and Technology Education* 1(2): 62-76.

- [30] Siagian, D.T., Maida, N., Irianto, D.M., Sukardi, R.R. (2023): The effectiveness of mnemonic device techniques in improving long-term memory in learning in elementary schools: A literature review. – *Equator Science Journal* 1(1): 24-30.
- [31] Sudirman, S., Tawali, T. (2023): Using mnemonic device strategy to motivate students in learning English vocabulary. – *Journal Scientific of Mandalika* 4(1): 16-21.
- [32] Suroiyah, E.N., Ma'arif, A.S., Wijaya, M.A., Sholihah, L. (2024): Activating the mnemonic learning model to enhance student motivation in MTs Miftahul Ulum Situbondo. – *Mantiq Tayr: Journal of Arabic Language* 4(1): 91-104.
- [33] Thảo, T.M. (2022): The application of mnemonic strategies to improve EFL students' aptitude for vocabulary. – *Journal of Nusantara Studies* 7(2): 166-183.
- [34] Zainuddin, A., Latiff, Z.I.A., Bakar, Z.A., Ramalingam, S. (2024): Exploring the influence of long-term memory in information processing in learning process. – *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 13(4): 406-422.